

## BAB KELIMA

### PEMBENTUKAN STRUKTUR ASAS AYAT BAHASA MELAYU

#### 5.0 Pendahuluan

Dalam bab ini, penulis akan menghuraikan perkara-perkara asas utama di dalam pembentukan struktur ayat bahasa Melayu. Ini adalah penting untuk mendapatkan suatu perbandingan nanti yang lengkap di antara bahasa Arab dan bahasa Melayu dari segi persamaan dan juga perbezaan yang berlaku.

Hasil daripada kajian di dalam bab ini, penulis dapat membandingkan di antara kedua-duanya di dalam bab yang akan datang dengan mengumpulkan segala maklumat yang terhasil dari bentuk-bentuk asas pembinaan struktur ayat dari kedua-dua bahasa tersebut.

#### 5.1 Pengertian Sintaksis

Dalam pembentukan sebuah ayat, ia memerlukan *kata*. Seterusnya kata itu dirangkai dengan kata yang lain menjadi frasa, lalu frasa digabungkan dengan frasa lain menjadi klausa atau ayat. Oleh itu, ayat dibentuk bermula daripada penyusunan perkataan-perkataan untuk membentuk frasa, klausa dan ayat. Bahagian atau cabang dalam linguistik yang mengkaji pembentukan ayat inilah yang dikenal sebagai *sintaksis*.

Asal usul perkataan “sintaksis” ini berasal daripada perkataan Yunani, iaitu “sun” yang bererti “dengan” dan “tattein” yang bererti “menempatkan bersama-sama”. Oleh itu, secara etimologi, sintaksis dapat diertikan sebagai “menempatkan kata-kata secara bersama-sama untuk menjadi kelompok kata atau ayat”. Kata “suntattein” kemudian dikenali sebagai “syntaxis” dalam bahasa Belanda dan “syntax” dalam bahasa Inggeris.

Menurut istilah pula, sintaksis ialah bidang ilmu bahasa yang mengkaji bentuk, struktur dan binaan atau konstruksi ayat (Nik Safiah Karim *er al.,*,1993:317). Bagi Abdullah Hassan (1980:164) pula, sintaksis merupakan istilah untuk mengkaji pembentukan ayat, iaitu bagaimana morfem dan kata disusun menjadi unit sintaksis yang kecil iaitu frasa atau menjadi klausa dan ayat merupakan unit yang terbesar.

## **5.2 Penggolongan Kata Dalam Bahasa Melayu**

Perkataan dalam bahasa Melayu terbahagi kepada empat bahagian, iaitu :

- a. Kata nama
- b. Kata kerja
- c. Kata adjektif
- d. Kata tugas

### **5.2.1. Kata Nama**

Kata nama ialah perkataan yang menunjukkan nama benda, nama orang, nama tempat dan nama perkara atau konsep. ( Nik Safiah Karim *er al.,*. 1994:97; Abdullah Hassan 1994:4). Ia merupakan sejumlah perkataan yang boleh menjadi unsur inti bagi binaan frasa nama.

Golongan kata nama boleh dikelompokkan berdasarkan ciri-ciri makna perkataan kepada tiga kumpulan ( Arbak Othman 1981:33;Nik Safiah Karim *er al.,*. 1994:97), iaitu:

- a. Kata Nama Khas – iaitu mendukung makna rujukan khusus pada sesuatu nama orang, haiwan, benda, perbandaran (industri), undang-undang, bangsa, bahasa, pangkat dan seumpamanya (Za’ba 1965:94; Nik Safiah Karim *er al.,*. 1994:98; Arbak Othman 1981:33).

b. Kata Nama Am – iaitu perkataan yang merujuk kepada orang, haiwan, benda, tempat, perkara atau konsep yang umum sifatnya.

c. Kata Ganti Nama – iaitu perkataan yang menjadi pengganti Kata Nama Khas dan Kata Nama Am. Ia boleh dibahagikan kepada dua golongan kecil, iaitu :

i- *Kata Ganti Tunjuk* : iaitu perkataan yang menjadi pengganti kata nama dan mendukung maksud menunjukkan benda atau perkara yang ditunjuk (Nik Safiah Karim *er al.*,. 1994:103), serta menunjukkan seseorang dan tempat (Abdullah Hassan 1993:83).

Ada dua kata ganti tunjuk, iaitu *ini* untuk menunjuk pada yang dekat dan *itu* untuk menunjuk pada yang jauh (Nik Safiah Karim *er al.*,. 1994:104). Antara Kata Ganti Tunjuk lain ialah *sini*, *situ* dan *sana* digunakan untuk tempat, *begitu*, *begini* dan *demikian* digunakan untuk sifat (Za'ba 1965:100; Abdullah Hassan 1994:22).

ii- *Kata Ganti Diri* : dibahagikan kepada Kata Ganti Diri Pertama ( *saya*, *aku*, *beta*, *patik*, *kami*, *kita*), Kata Ganti Diri Kedua ( *anda*, *engkau*, *awak*, *kamu* ) dan Kata Ganti Diri Ketiga ( *ia*, *dia*, *mereka*, *-nya*) (Nik Safiah Karim *er al.*,. 1994:103).

Kata Ganti Nama Diri Tanya ialah perkataan yang merujuk benda atau orang dalam bentuk Tanya. Terdapat tiga Ganti Nama Diri Tanya, iaitu ;

a. Apa – merujuk kepada benda atau perkara

b. Siapa – merujuk kepada orang

c. Mana – merujuk kepada tempat

## 5.2.2 Kata Kerja

Kata kerja ialah perkataan yang membawa makna perbuatan. Ia menjadi inti bagi binaan frasa kerja. Frasa kerja pula terdiri daripada kata kerja yang boleh disertai beberapa unsur lain seperti *kata bantu, objek, pelengkap, ayat komplemen dan keterangan* (Nik Safiah Karim *er al.*,. 1994:139).

Kata kerja boleh dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu :

- a. Kata Kerja Tak Transitif – iaitu kata kerja yang *tidak memerlukan objek* sesudahnya (Nik Safiah Karim *er al.*,. 1994:140). Za’ba pula menamakannya sebagai perbuatan tiada melampau.

Contoh :

Abang masih *tidur*

- b. Kata Kerja Transitif – iaitu kata kerja yang *mengandungi objek* yang terdiri daripada frasa nama untuk melengkapkan maksudnya (Nik Safiah Karim *er al.*,. 1994:143). *Objek* ialah kata nama yang dikenai oleh perbuatan Kata Kerja Transitif (Abdullah Hassan 1993:164).

Kata Kerja Transitif dibahagikan kepada dua jenis, iaitu :

- i- Kata Kerja Transitif Aktif – iaitu kata kerja yang berfungsi dalam *ayat aktif*.

Contoh :

Pelajar *sedang membaca* buku / Ali *telah menjawab* surat itu.

- ii- Kata Kerja Transitif Pasif – iaitu kata kerja yang berfungsi di dalam *ayat pasif* dan ia adalah hasil daripada proses transformasi atau perubahan ayat aktif menjadi ayat pasif (Nik Safiah Karim *er al.*,. 1994:143).

Contoh :

Buku itu *sedang dibaca* oleh pelajar / Surat itu *dijawab* oleh Ali.

### 5.2.3 Kata Adjektif

Kata adjektif juga dikenali sebagai kata sifat (Abdullah Hassan 1993:127) Ia adalah perkataan yang menjadi unsur inti dalam binaan frasa adjektif. Frasa adjektif boleh terdiri daripada hanya satu kata adjektif atau beberapa perkataan yang mengandungi kata adjektif dan unsur-unsur keterangan lain seperti kata bantu atau kata penguat.

Dalam ayat, kata adjektif berfungsi untuk menerangkan keadaan atau sifat bagi sesuatu kata nama atau frasa nama.

Contoh :

Adik kamu *tinggi* / Ali sangat *cerdik*

Adjektif dalam bahasa Melayu menyatakan tiga darjat/kedudukan perbandingan iaitu :

- a. Darjat biasa - iaitu dinyatakan lazimnya dengan menggunakan bentuk tunggal adjektif.

Contoh :

Malam ini bulan *terang*.

- b. Darjat perbandingan - iaitu menyatakan darjat lebih atau kurang.

Contoh :

Ayam ini *lebih jinak* lagi.

- c. Darjat penghabisan – iaitu tingkat paling atas menyatakan darjat yang paling tinggi.

Contoh :

Bangunan itulah yang *paling tinggi*.

#### **5.2.4 Kata Tugas**

Kata Tugas adalah satu perkataan yang hadir dalam ayat, klausa atau frasa untuk mendukung sesuatu tugas sintaksis tertentu, sama ada sebagai penghubung, penerang, penentu, penguat, pendapan, pembantu, penegas, penafi, pembenar, pemerli atau tugas-tugas lain.

Berdasarkan tugas-tugas tersebut, maka Kata Tugas dapat dijeniskan kepada kata hubung, kata seru, kata tanya, kata nafi, kata perintah, kata pangkal ayat, kata bantu, kata penguat, kata pemerli dan sebagainya.

Sebahagian contoh Kata Tugas ialah *tetapi, wahai, mengapa, jangan, ya, maka, telah, sungguh, jua, bukan, adalah, dari, tengah, setiap, sesungguhnya dan lajunya* (Nik Safiah karim *er al.*,. 1994:239-274).

### **5.3 Frasa Dalam Binaan Ayat Bahasa Melayu**

#### **5.3.1 Konsep Frasa**

Menurut Za'ba (1965), frasa dianggap sebagai rangkai kata. Abdullah Hassan (2002:233) pula menyatakan frasa itu sebagai sekumpulan perkataan. Menurut Nik Safiah Karim (1993:416), frasa ialah unit yang terdiri daripada satu susunan yang mengandungi sekurang-kurangnya dua perkataan atau satu perkataan yang berpotensi untuk diperluas

menjadi dua perkataan atau lebih. Daripada pendapat ahli bahasa tersebut, frasa terdiri daripada bentuk-bentuk perkataan yang disusun menjadi rangkai kata.

### 5.3.2 Binaan Frasa

Binaan frasa ini bermaksud urutan penempatan jenis kata atau frasa dalam frasa. Di dalam bahasa Melayu, urutan kata sangat penting kerana perbezaan urutan kata dapat menimbulkan perbezaan makna frasa. Binaan frasa juga dikenali sebagai *struktur frasa*.

Di dalam frasa, terdapat *inti frasa* dan juga *penerang frasa*. Inti frasa adalah unsur yang wajib dalam frasa dan merupakan pusat dalam satu frasa. Oleh itu, inti tidak boleh digugurkan dalam binaan frasa. Manakala penerang frasa pula terdiri daripada satu perkataan atau sekumpulan perkataan yang memberikan maklumat lanjut tentang inti. Penerang frasa merupakan unsur pilihan dalam binaan frasa.

Contoh :

*Anak kecil.*

Perkataan “anak” merupakan frasa inti dan “kecil” adalah penerang yang hadir selepas frasa inti.

Di dalam bahasa Melayu, urutan kata dalam frasa berdasarkan sesuatu *yang menerangkan* selalunya terletak di belakang inti. Namun penerang juga boleh diletakkan di depan inti.

Berdasarkan kehadiran inti dan penerang dalam sebuah frasa, maka terdapat dua jenis binaan frasa, iaitu:

### **a- Binaan endosentrik**

Iaitu *binaan* yang terdiri daripada deretan perkataan yang salah satu daripadanya dianggap yang paling penting dan tidak boleh digugurkan. Frasa nama, frasa kerja dan frasa adjektif merupakan binaan endosentrik.

Contoh :

*Orang* miskin itu.

Perkataan “orang” merupakan frasa *inti* dan ia tidak boleh digugurkan, sedangkan perkataan lainnya adalah penerang yang boleh digugurkan.

Terdapat beberapa bentuk binaan endosentrik iaitu:

i- Inti di depan, penerang di belakang

Contoh :

*Pengetua* sekolah

ii- Penerang di depan

Contoh :

Tiap-tiap *hari*

iii- Inti diapit oleh penerang

Contoh :

Sebiji *mangga* yang masak



iv- Penerang dan inti manasuka

Contoh :

*lain orang / orang lain*

#### **b- Binaan Eksosentrik**

Iaitu *binaan yang terdiri daripada dua unsur yang kedua-duanya tidak boleh digugurkan dan diperkecil binaannya*. Frasa sendi merupakan antara binaan eksosentrik.

Contoh :

*daripada abangnya*

Frasa di atas tidak boleh digugurkan atau diperkecil salah satu unsurnya menjadi *daripada* atau *abangnya*. Jika dilakukan juga, bentuk yang berhasil ialah binaan yang tidak gramatis.

### **5.3.3 Ciri-ciri Frasa**

Frasa dapat dikenal berdasarkan ciri yang berikut :

a- Berpotensi untuk diperluas

Iaitu kata inti yang menjadi unsur utama dalam binaan frasa dapat diperluas menjadi unsur yang mengandungi dua perkataan atau lebih. Peluasan boleh dilakukan dengan pelbagai cara sama ada di sebelah depan mahupun di belakang atau kedua-duanya.

Contoh :

*guru - seorang guru / guru besar - seorang guru besar*

b- Dapat disisipi

Binaan frasa dapat disisipi dengan unsur tertentu, antaranya ialah kata hubung dan kata sendi.

Contoh :

makan (*dan*) minum / pekerja (*dari*) kampung / buku (*yang*) tebal

c- Tidak mengandungi subjek dan predikat

Contoh :

i- rumah itu kecil

ii- rumah kecil

Dalam binaan (i) ialah klausa kerana binaan ini mengandungi subjek dan predikat. Penanda had frasa iaitu kata “itu” telah memisahkan ayat menjadi dua frasa, iaitu “rumah itu” sebagai subjek dan “kecil” sebagai predikat.

Manakala binaan (ii) pula tidak mengandungi subjek dan predikat. Hubungan antara dua perkataan adalah dua unsur iaitu sebagai inti “rumah” dan “kecil” sebagai penerang.

d- Menjadi unsur kepada klausa atau unsur kepada frasa itu sendiri.

Frasa biasanya menjadi unsur yang mengisi fungsi ayat. Perhatikan contoh berikut :

Contoh :

Subjek	Predikat	Objek	Keterangan
Adik saya	menziarahi	kakak	petang semalam

Frasa “adik saya” menduduki fungsi subjek, frasa “menziarahi” sebagai predikat, “kakak” adalah unsur objek dan “petang semalam” sebagai keterangan.

e- Tidak boleh dipisahkan daripada kesatuannya

Jika sesuatu frasa itu hendak dipindahkan atau dipertukarkan tempatnya dalam binaan ayat, maka seluruh frasa itu harus dipindahkan sebagai satu kesatuan.

Contoh :

i- Anak kucing jantan / sedang tidur / di dalam kotak.

ii- Sedang tidur / anak kucing jantan / di dalam kotak.

iii- Di dalam kotak / anak kucing jantan / sedang tidur.

f- Pengucapannya tidak selesai

Untuk membezakan antara frasa dengan ayat ialah pengucapan ayat didahului oleh kesenyapan dan diakhiri dengan kesenyapan juga, serta intonasinya menunjukkan bahawa sesuatu ujaran itu sudah lengkap dan selesai. Sebaliknya frasa tidak menunjukkan pengucapannya selesai

Contoh :

i- Budak nakal.

ii- budak nakal

Pada binaan (i) dapat menjadi ayat jika diberikan intonasi yang lengkap atau selesai. Sebaliknya dalam binaan (ii) pula akan menjadi frasa apabila binaan itu tidak menunjukkan pengucapannya sudah selesai dan ia boleh diperluaskan menjadi “budak nakal itu....” dan sebagainya.

Dalam bahasa Melayu, peluasan frasa sangat produktif untuk menyatakan konsep-konsep tertentu atau untuk memberi pengertian yang lebih jelas dan terperinci akan sesuatu perkara.

### 5.3.4 Jenis-jenis Frasa

#### 5.3.4.1 Frasa Nama

Frasa nama menurut Nik Safiah Karim *er al.*, (1993:556) ialah frasa yang perkataan utamanya terdiri daripada kata nama, kata nama terbitan atau kata ganti nama.

Contoh	Catatan
<i>Ahmad</i> guru saya	Kata Nama Khas
<i>Persatuan itu</i> ada di atas meja	Kata Nama Terbitan
<i>Beliau</i> adalah isteri saya	Kata Ganti Nama

Di dalam binaan frasa nama ini, terdapat dua binaan utama, iaitu :

#### a- inti + penerang

Binaan frasa nama yang terdiri daripada inti + penerang ialah binaan yang terdiri daripada kata nama yang menjadi inti hadir di depan, manakala penerangnya hadir pada kedudukan selepasnya.

Oleh itu kata nama yang diterangkan, atau inti frasa, hadir dahulu dan kata yang menerangkan, atau penerang hadir kemudian. Dalam bahasa Melayu, peraturan ini dipanggil *hukum D-M*, yakni *hukum Diterangkan - Menerangkan*.

Contoh :

Inti (D)	Penerang(M)
pisang	Goring
orang	Arab
lukisan	Pemandangan

Sungguhpun begitu, umumnya susunan unsur frasa nama menurut hukum D-M terdapat beberapa *kekecualian* dalam beberapa keadaan frasa nama yang mempunyai penerangan mengenai *nama jawatan atau gelaran, bilangan bukan ordinal, kehadiran kata nafi dan kebiasaan.*

Perhatikan contoh-contoh kekecualian berikut:

Frasa nama		Catatan
Penerang(M)	Inti(D)	
Dua orang	<i>polis</i>	Kata bilangan/penjodoh
Beberapa buah	<i>kedai</i>	Kata bilangan/penjodoh
Bukan	<i>persoalan</i>	Kata naif
Bukan/tidak	<i>semua</i>	Kata naif
Sang	<i>buaya</i>	Gelaran/panggilan
Puan	<i>Suzana</i>	Gelaran/panggilan
Naib	<i>canselor</i>	Kebiasaan
Ibu	<i>pejabat</i>	Kebiasaan

Berdasarkan kehadiran inti + penerang dalam frasa nama, terdapat bentuk-bentuk frasa nama yang terhasil, iaitu :

i- Penerang mendahului inti

Contoh :

Tiap-tiap *hari*

ii- Inti mendahului penerang

Contoh :

*Gunung* berapi

iii- Penerang terpisah/terbahagi

Contoh :

*seorang* dua / beberapa biji *durian* yang dijual

iv- Penerang bebas

Contoh:

tiga ekor *ayam* / *ayam* tiga ekor

Jenis unsur yang menjadi kata nama inti dalam frasa nama boleh terdiri daripada penerang jenis nama dan penerang jenis bukan nama.

Penerang jenis nama	Penerang jenis bukan nama
<ul style="list-style-type: none"><li>- <i>Bapa pelajar</i></li><li>- <i>Saudara saya</i></li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>i- Bilangan ordinal<ul style="list-style-type: none"><li>- <i>Tempat pertama</i></li><li>- <i>Anak kedua</i></li></ul></li><li>ii- Kata adjektif<ul style="list-style-type: none"><li>- <i>Orang malas</i></li></ul></li></ul>

	<ul style="list-style-type: none"> <li>- <i>Air sejuk</i></li> </ul> <p>iii- Frasa sendi nama</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- <i>Buku di dalam almari</i></li> <li>- <i>Kereta di belakang rumah</i></li> </ul> <p>iv- Kata kerja</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- <i>Waktu kerja</i></li> <li>- <i>Ruang tunggu</i></li> </ul> <p>v- Penentu</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- <i>Setiap orang</i></li> <li>- <i>Budak itu/ini</i></li> </ul>
--	--

**b- inti + inti**

Susunan frasa berdasarkan inti+inti ialah kedua-dua kata inti sama-sama mendukung makna dan tidak ada unsur penerang dalam binaan itu. Binaan kata majmuk dan simpulan bahasa termasuk dalam binaan ini.

Inti	Inti
Pinggan	Mangkuk
Kerusi	Meja
Kaki	Bangku
Rumah	Sakit
Anak	Emas

Tengah	Hari
--------	------

Binaan frasa ini juga mendukung makna, contohnya :

- i- Sama erti : hamba abdi / hutan rimba / kampung halaman
- ii- Pertentangan : anak cucu / ibu bapa / kerusi meja

Kedudukan frasa nama dalam ayat :

- i- Sebagai subjek : *Dia* sedang tidur
- ii- Sebagai predikat : Bapa Ali *pensyarah*
- iii- Sebagai objek : Kakak menanak *nasi*
- iv- Sebagai pelengkap : Ahmad menjadi *pelajar contoh*
- v- Sebagai unsur dalam Frasa sendi nama : Abang *ke Setiawan*

Urutan kata dalam frasa nama bagi bahasa Melayu ada yang tetap dan ada yang berlaku pembalikan urutan. Perubahan urutan kadangkala boleh mengekalkan erti atau menimbulkan perubahan ini.

#### 5.3.4.2 Frasa Kerja

Dalam binaan ayat, kata kerja boleh hadir bersendirian atau boleh disertai oleh unsur lain bagi membentuk frasa kerja transitif. Dengan demikian suatu frasa kerja boleh terdiri daripada hanya sepatah kata atau boleh juga terdiri daripada beberapa patah perkataan.

Frasa kerja menurut Nik Safiah Karim *er al.*, (1993:365) ialah binaan yang boleh terdiri daripada satu perkataan atau lebih dan *intinya adalah kata kerja*. Dalam binaan ini, frasa kerja menjadi unsur inti yang membina frasa kerja.



Bentuk kata kerja yang menjadi unsur bagi frasa kerja terdiri daripada *kata tunggal*, *kata terbitan*, *kata majmuk* dan *kata ganda*.

Contoh :

- i- Muiz *makan*.
- ii- Aizuddin *sedang termenung*.
- iii- Nenek akan *naik haji* pada tahun depan.
- iv- Mereka *bertolak-tolakkan* ke dewan.

Apabila dalam sesuatu ayat itu mengandungi frasa kerja, ayat yang terhasil ialah ayat tak transitif atau ayat transitif. Dalam ayat yang berpredikat frasa kerja, frasa kerja tersebut terdiri daripada dua jenis iaitu :

#### **a- Frasa Kerja Tak Transitif**

Ia mendapat menjadi frasa kerja apabila kata itu menduduki fungsi sebagai unsur binaan ayat, iaitu bertugas sebagai predikat.

Contoh :

- i- Ali *ketawa*
- ii- Ayah *sedang bekerja* di kebun

Kata Kerja Tak Transitif di dalam contoh di atas “ketawa/bekerja” tidak diikuti oleh frasa nama sebagai objek, tetapi mengandungi unsur lain bersama-samanya, iaitu kata bantu “sedang” dan keterangan “di kebun”.

Dalam bahasa Melayu, terdapat tiga jenis frasa kerja tak transitif, iaitu:

### **1- Frasa kerja tak transitif tanpa pelengkap**

Kata kerja di dalam frasa kerja tak transitif ini dapat berdiri sendiri dan *tidak* memerlukan pelengkap atau objek bagi menyempurnakan maksud ayat.

Contoh :

- i- Anis *tidur* .
- ii- Ahmad *menangis*.

### **2- Frasa kerja tak transitif berpelengkap**

Pelengkap ini bertugas untuk mencukupkan makna ayat. Selain itu, frasa kerja tak transitif berpelengkap tersebut dapat berfungsi sebagai predikat dalam binaan ayat. Ayat yang kata kerjanya merupakan Kata Kerja Tak Transitif berpelengkap tidak dapat dijadikan ayat pasif.

Contoh :

- i- Murad *ada* wang.
- ii- Dia berasa *bersalah*.

### 3- Frasa kerja tak transitif berpenerang

Binaan frasa Kata Kerja Tak Transitif berpenerang ini diikuti oleh kata nama dan bukan dikira sebagai pelengkap. Hal demikian kerana unsur penerang tersebut boleh ditiadakan dan ayat yang terhasil tetap sempurna.

Contoh :

- i- Pak Ali bersawah *padi*.
- ii- Pak Ali bersawah.

#### b- Frasa Kerja Transitif

Kata Kerja Transitif tidak dapat menjadi frasa kerja kerana kata kerja jenis ini tidak dapat berdiri sendiri dalam ayat. Hal demikian kerana frasa kerja hanya dibentuk daripada Kata Kerja Transitif apabila ditambahkan *objek* bagi menyempurnakan maksud ayat.

Contoh :

- i- Pekerja-pekerja memperbesarkan *jalan itu*.
- ii- Pelajar itu mempelajari *bahasa Jerman*.

Contoh di atas, Kata Kerja Transitif “memperbesarkan” dan “mempelajari” tidak dapat menjadi frasa kerja kecuali disertai *frasa nama sebagai objeknya*. Objek biasanya menjawab pertanyaan *apa atau siapa*.

Ayat yang mengandungi Kata Kerja Transitif juga dapat dipasifkan.

Contoh :

- i- Guru *mengajarkan* tatabahasa kepada kami – Tatabahasa *diajarkan* oleh guru kepada kami.

Ayat transitif mempunyai binaan frasa kerja transitif satu objek atau dua objek.

Contoh :

- i- Pelajar menyiapkan *kerja* sekolah.
- ii- Kamal mencarikan *adiknya kerja*.

Di dalam binaan ayat, frasa kerja dapat *berfungsi* sebagai :

**a- Predikat**

Contoh :

Kereta itu *meluncur laju*.

**b- Subjek**

Contoh :

*Membaca* menambahkan ilmu.

**c- Pelengkap**

Contoh :

Ahmad sudah berhenti *merokok*.

**d- Keterangan**

Contoh :

Mereka baru pulang *berkelah*.

#### e- Penerang

Contoh :

Tugas *mengajar* kerja yang mulia.

#### f- Objek

Contoh :

Kami akan mencuba *melakukan* tugas itu.

### 5.3.4.3 Frasa Adjektif

Predikat dalam bahasa Melayu boleh terdiri daripada frasa adjektif. Adjektif adalah kelas kata yang didampingi oleh kata penguat seperti *lebih, amat, sangat*; dan mendampingi kata nama sebagai *penerang* dalam binaan frasa nama. Frasa adjektif boleh terdiri daripada sepatah kata atau lebih.

Menurut Nik Safiah Karim *er al.,.* (1993:385) menyatakan bahawa frasa adjektif ialah susunan perkataan yang terdiri daripada satu atau beberapa perkataan yang mengandungi kata sifat atau adjektif sebagai intinya. Oleh itu, inti frasa adjektif boleh terdiri daripada sepatah kata adjektif atau dua patah kata adjektif yang menduduki fungsi predikat ayat.

Contoh :

- i- Fatimah *rajin*.
- ii- Anaknya *masih kecil*.
- iii- Budak itu *kurus kering*.

Dalam contoh (i) dan (ii), predikat diisi oleh sepatah kata adjektif (*rajin*) yang berfungsi sebagai frasa adjektif. Pada contoh (iii) pula, terdapat dua kata adjektif (*masih kecil/kurus kering*) untuk membentuk inti frasa adjektif.

Binaan frasa adjektif yang terdiri daripada satu perkataan boleh dalam bentuk kata tunggal, kata terbitan atau kata ganda.

Contoh :

- i- Kereta itu *besar* (kata tunggal).
- ii- Perasaan pelajar itu *gementar* (kata terbitan).
- iii- Perangainya *kebudak-budakan* (kata ganda).

Inti frasa adjektif yang berbentuk dua perkataan merupakan hasil penggabungan sinonim (keserasian makna), antonim (berlawanan makna) atau unsur rima.

Contoh :

**a- Sinonim**

- i- Askar itu *gagah berani*.
- ii- Dewan peperiksaan *senyap sunyi*.

**b- Antonim**

- i- Permukaan jalan itu *tinggi rendah*.
- Ii- Kehidupan Ali penuh *pahit manis*.

**c- Unsur rima**

- i- Lelaki itu *gemuk gedempol*.

Dalam aspek peluasan pula, frasa adjektif dapat dilakukan dengan menggunakan :

### **a- Peluasan dengan Kata Penguat**

Jika kata penguat hadir di dalam binaan frasa adjektif, kata mestilah hadir sebelum atau selepas kata adjektif. Ada antara kata penguat tersebut terletak di depan adjektif dan ada pula selepas adjektif, malah ada pula letaknya bebas.

Contoh :

- i- Bajunya *paling* mahal ( paling penguat depan).
- ii- Bangunan itu tinggi *sekali* (sekali penguat di belakang).
- iii- Tekak saya dahaga *amat/amat* dahaga (amat penguat bebas).

### **b- Peluasan dengan Kata Bantu**

Sebagai inti frasa, kata adjektif boleh dipluas dengan kata bantu sebelum kata adjektif tersebut. Dua kata bantu juga boleh hadir berderetan sebelum kata adjektif.

Contoh :

- i- Lelaki itu *sudah tua*.
- ii- Berita itu *belum tentu benar*.

### **c- Peluasan dengan Kata Sendi Nama**

Tugas Frasa sendi nama ini adalah sebagai keterangan dan berada selepas kata adjektif.

Contoh ;

- i- Dia tidak sombong *dengan saya*.

- ii- Harga minyak masak mahal *dari dulu*.

**d- Peluasan dengan Ayat Komplemen**

Frasa adjektif sebagai predikat dapat diperluas dengan klausa komplemen bagi membentuk ayat majmuk komplemen. Dalam hal ini, kata sendi tidak diperlukan apabila frasa adjektif diperluas dengan klausa sebagai pelengkap.

Contoh :

- i- Saya yakin Salim tidak bersalah

Dalam binaan ayat, frasa adjektif boleh *berfungsi* sebagai :

**a- Predikat**

Frasa adjektif yang berfungsi sebagai predikat membentuk pola ayat dasar Frasa Nama + Frasa Adjektif (FN+FA).

Frasa Nama (FN)	Frasa Adjektif (FA)
Rumah itu	<i>besar</i>
Ahmad	<i>amat pemurah</i>
Perasaannya	<i>sentiasa gelisah</i>

**b- Pelengkap**

Frasa adjektif boleh menjadi unsur yang melengkapkan Kata Kerja Tak Transitif .



Contoh :

- i- Nenek bertambah *sihat*.
- ii- Lelaki itu bertubuh *sasa*.

### **c- Penerang**

Kehadiran frasa adjektif sebagai penerang berada di belakang kata nama. Kata adjektif memberikan keterangan yang lebih khusus tentang sesuatu frasa nama dalam ayat.

Contoh :

- i- Kasut *hitam* amat cantik sekali.
- ii- Komputer abang komputer *baharu*.

### **d- Kata Keterangan**

Ia terletak selepas frasa kerja.

Contoh :

- i- Bayi itu tidur *lena*.
- ii- Burung terbang *amat tinggi*.

### **e- Subjek**

Frasa adjektif boleh menjadi subjek dalam ayat. Tetapi kata adjektif tersebut mengambil tugas kata nama.

Contoh :

- i- *Hitam* itu menawan.
- ii- *Kuat* lambang kelakian.

Kriteria penentuan adjektif yang paling baik ialah penentuan berdasarkan [ octor] a sintaksis. Dengan melihat fungsinya sebagai penerang atau sebagai predikat, ia merupakan [ oco yang dapat menentukan sesuatu kata itu sebagai adjektif atau tidak.

#### **5.3.4.4 Frasa Sendi Nama**

Menurut Nik Safiah Karim *er al.,.* (1993:556), Frasa Sendi Nama ialah frasa yang perkataan utamanya terdiri daripada satu Kata Sendi Nama dan diikuti oleh frasa yang menjadi pelengkap kepada kata sendi nama. Frasa Sendi Nama ini terdiri atas kata sendi dan frasa nama, ia terletak mendahului frasa nama.

Contoh :

- i- *Latif ke kuliah.*
- ii- *Pasangan itu bagai pengantin.*

Secara morfologi, terdapat tiga bentuk kata sendi, iaitu :

##### **a- Kata Sendi Dasar**

Ia terdiri daripada kata dasar seperti kata tugas *di, ke, oleh, dari, untuk, dengan, antara,* dan sebagainya.

### **b- Kata Sendi Gabungan**

Terdiri daripada dua jenis, iaitu :

i- Gabungan kata sendi dasar :

Dari + pada = daripada

Ke + pada = kepada

Hingga+ ke = hingga ke

ii- Gabungan Berpasangan

Dari... Ke... - *dari* rumah *ke* sekolah

Daripada ... kepada...- *daripada* kakak *kepada* adik

Sejak...hingga... - *sejak* kecil *hingga* dewasa

Antara... dengan... - *antara* dia *dengan* saya

### **c- Kata sendi yang berasal daripada kata lain**

Ada kata tertentu daripada kelas kata yang lain tetapi berfungsi sebagai kata sendi, seperti *selain, sepanjang, mengenai, menurut, melalui* dan sebagainya.

Contoh :

i- Kakak minum ubat *menurut* arahan □ octor.

ii- Ambil makanan *selain* buah.

iii- Ali belum berkahwin *sepanjang* pengetahuan saya.

Bentuk binaan frasa sendi terdiri daripada:

**a- Frasa Nama + Kata Sendi Nama**

Frasa sendi nama yang terbentuk daripada kata sendi nama + frasa nama dapat bertugas sebagai predikat dalam sesuatu ayat. Ini membentuk pola dasar FN + FSN. Binaan ini boleh ditambah satu atau lebih kata bantu untuk memberikan keterangan kepada Frasa sendi nama tersebut.

Contoh :

Frasa Nama	Kata bantu	Frasa sendi nama
Surat itu	-	<i>daripada kakak</i>
Kecacatannya	-	<i>sejak kecil</i>
Ayah	-	<i>ke London</i>
Kakak	akan/sudah	<i>ke Sabah</i>
Ibu	belum pernah	<i>ke Kuala Lumpur</i>

**b- Kata Sendi Nama + Kata Nama Arah + Frasa Nama**

Antara kata nama arah ialah *aras, bawah, dalam, sisi, tepi, depan, belakang, samping, antara, tengah, sudut, luar* dan sebagainya.

Contoh :

Kata Sendi Nama	Kata Nama Arah	Frasa Nama
Buku itu <i>di</i>	atas	meja

Reban ayam <i>di</i>	belakang	rumah
Menteri <i>ke</i>	luar	Negara

**c- Kata Sendi Nama + (Kata Nama Arah) + Frasa Nama + (Frasa Keterangan)**

Frasa sendi nama diperluas dengan frasa keterangan. Unsur keterangan dalam binaan ini hadir sebagai pilihan.

Contoh :

- i- Pelajar-pelajar ke perpustakaan *dengan guru* itu.
- ii- Pelajar-pelajar *akan* ke perpustakaan *dengan guru* itu.

Unsur keterangan dalam binaan Frasa sendi nama ini sering mengalami penyongsangan.

Contoh :

Dengan guru itu pelajar-pelajar akan perpustakaan.

**d- Kata Sendi Nama + (Kata Nama Arah) + Frasa Nama + (ayat Komplemen)**

Frasa sendi nama boleh diikuti oleh ayat komplemen sebagai pelengkap yang merupakan unsur pilihan.

Contoh :

- i- Askar *ke dalam hutan untuk memburu komunis*.
- ii- Baju itu *di ampai* supaya cepat kering.

Frasa sendi nama dapat ***menduduki*** tempat-tempat berikut :

### **a- Predikat**

Frasa sendi ini hadir bersama subjek di dalam ayat.

Contoh :

i- Pelajar itu *di dalam kelas*.

ii- Ibu *ke London*.

### **b- Keterangan**

Frasa sendi nama boleh hadir di dalam ayat sebagai :

#### **1- Unsur keterangan pada frasa nama**

Contoh :

Bas *dari Seremban* rosak.

#### **2- Unsur keterangan pada frasa kerja**

Contoh :

Kami pergi *ke selatan negeri Johor*.

#### **3- Unsur keterangan pada frasa adjektif**

Contoh :

Dia kurus *daripada saya*.

#### **4- Unsur keterangan pada frasa kata sendi**

Contoh :

Berita kemenangan itu disebarkan *dari daerah ke daerah*.

#### **c- Subjek**

Fungsi subjek biasanya diisi oleh frasa nama. Namun subjek juga boleh diisi oleh Frasa sendi nama tetapi berfungsi sebagai frasa nama.

Contoh :

i- *Ke Mekah* tidak mudah.

ii- *Dari sini* adalah jauh.

Frasa sendi nama dalam bahasa Melayu boleh menjadi salah satu daripada konstituen utama dalam binaan ayat apabila menduduki tempat predikat. Selain daripada itu, Frasa sendi nama boleh juga bertugas sebagai frasa keterangan dan kehadirannya adalah bersifat pilihan.

### **5.4 Klausa Dalam Binaan Ayat**

#### **5.4.1 Konsep Klausa**

Menurut Asmah Hj. Omar (1982:314) menyatakan bahawa klausa ialah unit di atas frasa dan di bawah ayat. Oleh itu, klausa adalah lebih kecil daripada ayat dan lebih besar daripada frasa dan perkataan.

alam Tatabahasa Dewan (1993:415), klausa merupakan satu unit rangkaian perkataan yang mengandungi subjek dan predikat dan menjadi konstituen kepada ayat.

## 5.4.2 Jenis Klausa

Klausa dapat dibahagikan kepada dua jenis berdasarkan peranannya dalam ayat, iaitu:

### a- Klausa bebas

Disebutkan di dalam Tatabahasa Dewan (1993:415), klausa bebas adalah klausa yang boleh berdiri sendiri dan boleh bersifat ayat lengkap apabila diucapkan dengan intonasi yang sempurna.

Klausa bebas juga tidak menggunakan kata hubung untuk membentuk sebuah ayat yang lengkap. Selain itu, semua ayat tunggal adalah klausa bebas.

Contoh :

*Saya* pergi ke sekolah.

Contoh di atas apabila dibacakan dengan intonasi yang sempurna dan betul, klausa tersebut menjadi ayat lengkap.

### b- Klausa tak bebas

Klausa jenis ini tidak dapat berdiri sendiri dan memerlukan klausa lain untuk melengkapkannya. Klausa ini tidak berpotensi untuk menjadi ayat tunggal.

Oleh itu klausa tak bebas terikat kepada klausa bebas dalam binaan ayat majmuk dan menjadi sebahagian daripada binaan yang lebih besar.



Contoh :

*Aminah* pergi ke pasar untuk membeli sayur.

Ayat di atas terdiri daripada dua klausa, iaitu “Aminah pergi ke pasar” sebagai klausa bebas, dan “untuk membeli sayur” adalah klausa tak bebas. Klausa tak bebas ini merupakan klausa yang tidak lengkap dan menjadi sebahagian daripada klausa bebas sebelumnya. Kata “untuk” merupakan kata hubung di antara kedua-dua klausa ini.

### 5.4.3 Ciri-ciri Klausa

Terdapat beberapa ciri-ciri klausa, iaitu :

#### **a- Klausa Belum Memiliki Intonasi atau Tanda Baca Tersebut**

Jika dibandingkan antara klausa dan ayat, klausa tidak memiliki intonasi sedangkan ayat mewajibkan intonasi sebagai syarat sesebuah ayat.

Di dalam tulisan, klausa *tidak diawali dengan huruf besar dan tidak diakhiri dengan tanda noktah, tanda Tanya dan tanda Seru* berbandingkan dengan ayat yang diawali huruf besar dan diakhiri dengan tanda noktah, tanda Tanya dan tanda Seru.

Oleh sebab itu, klausa juga dikenali sebagai *ayat tanpa intonasi*.

Contoh :

- i- lelaki itu makan nasi (klausa)
- ii- Lelaki itu makan nasi. (ayat)

### **b- Klausa Merupakan Unsur Pembentuk Ayat**

Dalam ayat tunggal, seluruh binaan ayat diisi oleh sebuah klausa. Dalam ayat majmuk pula dua buah klausa atau lebih membentuk ayat majmuk tersebut.

Contoh :

- i- *Surani* pergi ke pasar
- ii- *Surani* pergi ke pasar ketika hari tidak hujan.

### **c- Klausa Mengandung Predikat**

Dari segi binaan, klausa mengandung predikat, sedangkan frasa tidak.

Contoh :

- i- rumah kecil
- ii- *rumah itu* kecil

Binaan ayat (i) bukanlah klausa kerana hubungan unsur “rumah” dan “kecil” tidak bersifat predikatif. Sebaliknya binaan ayat (ii) merupakan sebuah klausa kerana hubungan unsur “rumah itu” yang berfungsi sebagai subjek dan “kecil” berfungsi sebagai predikat.

### **d- Klausa Menjadi Konstituen Frasa dalam Ayat Majmuk**

Klausa boleh menjadi unsur frasa yang berfungsi sebagai subjek atau predikat dalam ayat majmuk. Dengan demikian, klausa dapat berfungsi pada frasa tertentu dalam ayat.

## 5.5 Pengertian Ayat, Urutan Dan Intonasi

Terdapat pelbagai takrifan terhadap pengertian ayat. Antaranya menurut ahli bahasa tatabahasa tradisional ialah “*a sentence is a group of words expressing a complete thought*”, C.C Fries (1963:9).

Menurut Blommfield (1961:170), iaitu pendukung tatabahasa structural, ayat ialah “*a construction (or form) which in the given utterance is not part of any large construction*”. Manakala menurut Nik Safiah Karim *er al.*,. (1993:414) ialah unit pengucapan yang paling tinggi letaknya dalam susunan tatabahasa dan mengandungi makna yang lengkap. Dari pengertian ayat di atas, dapatlah disimpulkan bahawa ayat itu terdiri dari ciri-ciri tertentu, yang mana ciri ayat itu diucapkan dengan didahului kesenyapan dan diakhiri dengan kesenyapan juga.

Contoh :

*Ali pelajar tingkatan satu. Dia pergi ke sekolah bersama rakannya. Sekolah terletak 10 kilometer dari rumah.*

Ayat di atas terdiri daripada tiga ayat. Apabila dibaca, setiap ayat tersebut dimulai dengan kesenyapan dan diakhiri dengan kesenyapan juga. Setelah diam, kemudian dimulai lagi dengan ayat berikutnya dan diam lagi dan seterusnya hingga ayat terakhir.

Urutan kata pula dimaksudkan sebagai letak kata yang satu dengan kata yang lain dalam suatu binaan atau konstruksi sintaksis (Abdul Chaer, 1994:213).

Contoh :

*Dia tidak dapat menonton filem itu.*

Ayat di atas terbentuk daripada unsur-unsur [*dia, tidak, dapat, menonton, filem, itu*]. Unsur-unsur ini mempunyai hubungan yang tetap dan tidak mungkin dapat diubah kepada susunan lain.

Ketika pengucapan sesuatu ayat, kita akan mendapati bahawa ada bahagian ayat yang mendapat *tekanan* daripada bahagian yang lain. Selain itu, ada pula bahagian yang diucapkan itu *lebih tinggi nadanya* daripada yang lain, ada pula bahagian tertentu dalam ayat dibatasi oleh *jeda* (hentian sebentar).

Contoh :

- i- Ali pemilik basikal itu (bukan orang lain)
- ii- Ali pemilik basikal itu (hanya Ali)
- iii- Ali pemilik basikal itu (bukan kenderaan lain)
- iv- Ali pemilik basikal itu (bukan basikal ini)

Perubahan tekanan boleh menimbulkan perubahan pusat perhatian sebagaimana contoh di atas. Apabila tekanan yang lebih dilakukan pada perkataan tertentu, ini bererti bahawa kita menonjolkan kata itu. Daripada contoh di atas, ayat yang sama boleh mendukung makna ayat yang berbeza apabila diberikan sifat sebutan yang berbeza.

## **5.6 Ciri-ciri Asas Ayat Bahasa Melayu**

### **5.6.1 Tertib**

Urutan perkataan (Ramli Salleh 1995:1) atau susunan, memainkan peranan penting di dalam bahasa Melayu.

Terdapat susunan itu ketat dan ada juga yang agak longgar dan boleh diubah-ubah (Abdullah Hassan 1983:91).

Contoh :

- i- Ahmad membeli pen.( susunan ketat )

Contoh :

- i- Ahmad pergi ke sekolah. (susunan longgar)

Di dalam contoh di atas, susunan ketat ialah susunan perkataan *yang tidak boleh diubah dari aspek tertibnya* dalam sesuatu ayat, manakala susunan yang longgar adalah sebaliknya.

Susunan ini penting kerana dalam bahasa Melayu tidak terdapat penanda kasus (Nik Safiah Karim *er al.*,. 1994:329)

### **5.6.2 Gender**

Di dalam struktur ayat bahasa Melayu, gender hanya tertumpu kepada gender semulajadi. Ia terbahagi kepada dua, iaitu maskulin (jantan/lelaki) dan juga feminin (betina/perempuan), tetapi ia tiada kesan pada makna.

### **5.6.3 Bilangan**

Bilangan di dalam kata nama bahasa Melayu hanya terbahagi kepada dua sahaja, iaitu satu dan jamak/ramai/banyak. Bilangan duaan (المُتَنَّى) di dalam bahasa Melayu tidak wujud sebagaimana di dalam bahasa Arab.

Bagaimanapun, perbezaan kata nama dari aspek bilangan ini tidak mempengaruhi perubahan bentuk kata nama tersebut. Begitu juga kata kerja atau adjektif yang terlibat di dalam sesuatu ayat bahasa Melayu tidak mengalami sebarang perubahan.

Bilangan di dalam bahasa Melayu dikaitkan dengan penjodoh bilangan dan kata ukuran. Sebagai contoh, penjodoh bilangan bagi manusia adalah “orang” dan bagi haiwan

adalah “ekor”. Penjodoh bilangan bagi kata nama konkrit pula adalah seperti buah, helai dan patah. Bagi kata ukuran pula, digunakan penjodoh bilangan seperti kilo, kati dan guni. Terdapat juga kata nama yang tidak dapat dihitng dan sebahagian besarnya adalah daripada kata nama abstrak seperti kesukaan, kebahagiaan, kelaparan dan sebagainya.

Bagi menunjukkan bilangan banyak pula, proses penggandaan dilakukan. Terdapat empat jenis bentuk kata nama ganda iaitu:

- a. Gandaan penuh : alat → alat-alat
- b. Gandaan separa penuh : budak → bebudak
- c. Gandaan berentak : gunung-ganang
- d. Gandaan makna : saudara → saudara-mara

(Abdullah Hassan 1993:121-124)

#### 5.6.4 Masa

Aspek masa di dalam bahasa Melayu tidak dijelaskan secara langsung dengan kata kerja, tetapi ia ditunjukkan dengan bantuan perkataan lain yang menjelaskan masa. Ia dinamakan *kata kerja aspek* (Asmah omar 1980:90) atau *kata bantu aspek* (Nik Safiah Karim *er al.*,.1994:374)

Kata bantu aspek yang menerangkan waktu bagi kata kerja tergolong kepada tiga jenis aspek masa berdasarkan samada perbuatan itu sudah, sedang atau belum dilakukan.

Contoh :

Katan bantuk aspek		
Sudah dilakukan	Sedang dilakukan	Belum dilakukan
Sudah, telah, pernah	Sedang, masih	Belum, akan

(Nik Safiah Karim *er al.*,. 1994:374)

### 5.6.5 Penggandaan

Penggandaan perkataan di dalam bahasa Melayu merupakan suatu keistimewaan yang tidak terdapat di dalam bahasa Arab. Antara bentuk pengulangan yang terdapat dalam bahasa Melayu ialah penggandaan penuh (budak-budak), penggandaan separa (lelangit) dan penggandaan berentak (gotong-royong). (Nik Safiah Karim *er al.*, 1994:77-79)

Antara tujuan penggandaan *kata nama* ialah untuk menunjukkan bilangan banyak, membentuk nama haiwan serta benda dan menunjukkan kepelbagaian jenis (Abdullah Hassan 1993:124-125).

Manakala penggandaan *kata kerja* pula ialah untuk menunjukkan perbuatan berulang-ulang, perbuatan berpanjangan, perbuatan bersungguh-sungguh dan perbuatan yang berbalasan (Abdullah Hassan 1993:193-194).

## 5.7 Ayat Dasar

### 5.7.1 Konsep Ayat Dasar

Ayat dasar dikenal juga sebagai *ayat inti*, iaitu ayat yang terbentuk daripada unsur-unsur utama yang wajib, iaitu *yang tidak mengandungi sebarang keterangan di dalamnya* (Arbak Othman, 1985:166). Oleh itu, ayat dasar ialah *ayat yang tidak mengandungi tambahan unsur pada frasa subjek atau frasa predikat* (Nik Safiah Karim *er al.*, 1993:323).

Awang Sariyan (1986:30) menyatakan bahawa sebagai ayat yang menjadi dasar terbitnya ayat-ayat lain, maka *binaan ayat dasar paling ringkas*. Konstituen subjek dan predikatnya diisi oleh inti, dengan kata lain tidak disertai penerang bagi frasa nama, tidak disertai pelengkap bagi frasa adjektif dan bagi frasa kerja yang terbentuk daripada kata kerja intransitif.

Contoh :

- i- Ahmad ketawa.

ii- Ahmad ketawa di depan Ali.

Contoh (i) lebih dasar daripada ayat (ii) kerana ayat tersebut wujud tanpa unsur tambahan pada frasa subjek atau frasa predikat, serta pada konstituen keterangan ayat tersebut.

### 5.7.2 Pola Ayat Dasar

Dalam bahasa Melayu, struktur frasa digolongkan kepada empat, iaitu frasa nama, frasa kerja, frasa adjektif dan frasa sendi nama. Frasa-frasa tersebut digandingkan bersama bagi membentuk pola-pola ayat dasar bahasa Melayu.

Pola ayat dalam buku Tatabahasa Dewan terdiri daripada empat jenis pola berdasarkan jenis-jenis unsur yang hadir dalam konstituen subjek dan konstituen predikat.

Pola	Subjek	Predikat
Pola 1 (FN + FN)	Mariam	<i>seorang pelajar</i>
Pola 2 (FN + FK)	Anis	<i>sedang membaca</i>
Pola 3 (FN + FA)	Abdul	<i>pemurah</i>
Pola 4 (FN + FSN)	Saari	<i>di dewan</i>

Dari jadual di atas, jelas bahawa ayat dasar terdiri daripada satu frasa nama sebagai subjek dan frasa satu lagi sebagai predikat. Frasa yang dapat menjadi predikat ayat dasar ialah frasa nama, frasa kerja, frasa adjektif dan Frasa sendi nama. Gabungan frasa-frasa tersebut membentuk ayat dasar bahasa Melayu.

### 5.7.3 Ciri-ciri Ayat Dasar

Ayat dasar dapat dikenal berdasarkan ciri-ciri yang berikut :



### **a- Mengandungi satu klausa**

Setiap ayat mesti mengandungi satu klausa yang lengkap dan klausa itu perlu mengandungi satu subjek dan satu predikat.

Contoh :

- i- Murid berdiri.
- ii- Bahawa murid berdiri.

Ayat (i) adalah ayat dasar kerana dapat berdiri sendiri sebagai ayat yang lengkap, tidak bergantung pada bentuk lain, selain mengandungi satu subjek dan satu predikat. Namun pada ayat (ii) pula bukan ayat dasar. Ini kerana klausanya tidak lengkap dan terpaksa bergantung pada klausa yang lain.

### **b- Berpola subjek-predikat**

Ayat dasar mempunyai struktur subjek-predikat. Di dalam bahasa Melayu, unsur yang menjadi subjek sering disebut dahulu berbanding predikat.

Contoh :

- i- *Ahmad* bermain bola di padang
- ii- *Pokok kelapa itu* tinggi

### **c- Ayat penyata**

Ayat penyata lebih dasar dan lebih lengkap daripada ayat jenis lain seperti ayat perintah atau ayat Tanya.

Contoh :

- i- *Haziq* memakai baju.

- ii- Pakailah baju!
- iii- Adakah kamu mahu memakai baju?

Ayat (i) adalah ayat nyata yang jelas dari segi maknanya, malah strukturnya pula lebih lengkap berbanding ayat jenis lain. Ayat (ii) pula adalah ayat perintah yang tidak lengkap dari segi maknanya mahupun strukturnya kerana lebih cenderung untuk tidak menyebut orang yang diperintahkan. Manakala ayat (iii) pula adalah ayat Tanya yang tidak lengkap tanpa disertai dengan jawapannya.

#### **d- Ayat aktif**

Ayat aktif lebih dasar daripada ayat pasif disebabkan oleh ayat pasif diturunkan daripada ayat aktif. Ayat aktif juga lebih lengkap kerana ayat pasif tidak disertakan pelaku. Ini adalah kerana ayat aktif memerlukan pelaku untuk menjadikan ayatnya lengkap.

Contoh :

- i- Ibu *mencium* adik (ayat aktif).
- ii- Adik *dicium* (ayat pasif).

#### **e- Berpotensi untuk perluasan**

Setiap ayat dasar dapat diperluas dengan menambahkan unsur-unsurnya. Ini adalah kerana ayat yang panjang adalah hasil daripada perluasan ayat dasar.

#### **f- Tidak mengandungi Kata Hubung**

Ayat dasar tidak mengandungi unsur yang boleh dihubungkan oleh kata hubung dengan unsur yang lain

Contoh :

- i- *Setelah* melihat Ahmad, Ibrahim membuka pintu
- ii- Setelah melihat Ahmad

Ayat (i) bukan ayat dasar kerana terdiri daripada klausa yang mengandungi kata hubung (*setelah*). Manakala ayat (ii) juga bukan ayat dasar kerana tidak dapat berdiri sendiri dan kedudukannya tergantung.

## **5.8 Susunan Dalam Ayat**

### **5.8.1 Susunan Biasa**

Susunan biasa ayat bahasa Melayu ialah unsur Subjek mendahului Predikat (S+P). Bahagian yang menjadi subjek merupakan bahagian yang diterangkan, manakala bahagian predikat pula ialah bahagian yang menerangkan subjek tersebut.

Contoh :

- i- *Halim* telah menghadiri kursus itu.
- ii- *Pelancong itu* dari mana?

Contoh (i) susunannya adalah susunan biasa kerana kedudukan subjek mendahului predikat. Intonasi yang dilakukan pada ayat penyata itu merupakan intonasi biasa kerana tidak ada mana-mana unsurnya yang diberikan penekanan atau penegasan.

### **5.8.2 Susunan Songsang**

Ayat yang mengandungi susunan songsang disebut ayat songsang atau ayat terbalik. Dalam hal ini ayat yang terhasil itu tidak mengikut susunan biasa, iaitu susunan Subjek-Predikat (S+P), sebaliknya, susunannya ialah Predikat-Subjek (P+S).

Pendepanan predikat ini berlaku apabila unsur dalam konstituen predikat itu hendak diberi *penekanan*. Apabila penekanan atau penegasan diberikan kepada mana-mana unsur, maka unsur-unsur itu didahulukan. Oleh hal demikian, susunan songsang wujud apabila unsur-unsur dalam konstituen predikat dipindahkan ke depan subjek melalui proses pendepanan atau penjudulan.

Contoh :

- i- Kereta baru abang *cantik*.
- ii- *Cantik* kereta baru abang.

Ayat (i) merupakan susunan biasa dan tiada penekanan yang hendak diberikan. Sebaliknya ayat (ii) pula penekanan dilakukan pada predikat ayat dengan cara memindahkan frasa predikat ke hadapan subjek. Unsur “cantik” mendapat perhatian pendengar apabila dikedepankan.

### 5.8.3 Bentuk Ayat Songsang

Pendepanan konstituen dengan ayat songsang untuk memberikan penegasan pada bahagian ayat tertentu. Yang hendak ditegaskan itu mungkin keseluruhan predikat atau unsur tertentu dalam konstituen predikat. Berikut adalah bentuk-bentuk ayat songsang :

#### a. Pendepanan Seluruh Predikat

Seluruh predikat dibawa ke depan mendahului subjek.

Contoh :

Susunan biasa	Susunan songsang
Ibu saya <i>guru</i>	<i>Guru</i> ibu saya

## b. Pendepanan Sebahagian Unsur dalam Predikat

Sebahagian unsur dalam predikat boleh dikedepankan di hadapan subjek yang melibatkan pendepanan :

### i- Pendepanan Frasa Kerja

Pendepanan sebahagian frasa kerja data dilakukan pada Kata Kerja Tak Transitif , kata kerja dengan objek atau kata bantu dengan Kata Kerja Tak Transitif .

Contoh :

Pendepanan Kata Kerja Tak Transitif	Pendepanan Kata Kerja dengan objek	Pendepanan kata bantu dengan Kata Kerja tak transitif
Kanak-kanak itu <i>bermain</i> di padang	Pekerja itu <i>membaiki</i> kereta di bengkel	Kakak <i>belum pulang</i> dari sekolah
<i>Bermain</i> kanak-kanak itu di padang	<i>Membaiki kereta</i> pekerja itu di bengkel	<i>Belum pulang</i> kakak dari sekolah

### ii- Pendepanan Frasa Adjektif

Predikat frasa adjektif boleh berada di depan subjek dengan cara dikedepankan kata adjektif sahaja atau kata bantu dengan kata adjektif.

Contoh :

Pendepanan kata adjektif	Pendepanan kata bantu dengan kata adjektif
Halimah <i>cantik</i> <i>Cantik</i> Halimah	Orang kaya <i>belum tentu bahagia</i> <i>Belum tentu bahagia</i> orang kaya

### iii- Pendepanan Frasa Sendi Nama

Predikat frasa ini juga boleh dipindahkan ke bahagian hadapan sebelum subjek ayat. Frasa sendi nama boleh dikedepankan ialah Frasa sendi nama sebagai predikat atau Frasa sendi nama yang berfungsi sebagai keterangan.

Contoh :

Pendepanan Frasa sendi nama	Pendepanan Frasa sendi nama sebagai keterangan
Pelajar itu <i>dari sekolah</i> . <i>Dari sekolah</i> pelajar itu.	Rohana melukis <i>dengan cat</i> . <i>Dengan cat</i> Rohana melukis.

### iv- Pendepanan Ayat Tanya

Predikat dalam ayat tanya biasanya dapat dikedepankan untuk memberi tekanan yang berlainan. Dalam hal ini, ayat tanya tidak disertai kata tanya.

Contoh :

- i- Zaki *ketua kelas*?
- ii- *Ketua kelas* Zaki?

## **v- Pendepanan dalam Ayat Majmuk**

Bahagian-bahagian daripada ayat majmuk boleh mengalami proses pendepanan.

### **a- Pendepanan dalam ayat gabungan**

Subjek dalam ayat gabungan mestilah terdiri daripada pelaku yang sama.

Contoh :

- i- Samad *ke kuliah atau ke padang*.
- ii- *Ke kuliah atau ke padang* Samad.

### **b- Pendepanan dalam ayat relatif**

- i- Budak yang berdiri itu *adik saya*.
- ii- *Adik saya* budak yang berdiri itu.

### **c- Pendepanan dalam ayat komplemen**

- i- Untuk melakukan aksi itu *memang sukar*.
- ii- *Memang sukar* untuk melakukan aksi itu.

### **d- Pendepanan dalam ayat keterangan**

- i- Dia tidak datang *kerana ayahnya sakit*.
- ii- *Kerana ayahnya sakit* dia tidak datang.

## vi- Pendepanan Terbahagi

Penyongsangan cara ini melibatkan sebahagian predikat dikedepankan dan sebahagian yang lain di hujung ayat sesudah subjek.

Contoh :

- i- Kita *patut berserah kepada Tuhan saja*.
- ii- *Kepada Tuhan saja* kita *patut berserah*.

## 5.9 Pengguguran Dalam Ayat

### 5.9.1 Konsep Pengguguran

Proses pengguguran merupakan satu proses transformasi yang berlaku pada struktur ayat yang mengakibatkan pengguguran unsur-unsur tertentu daripada binaan ayat itu dan dengan demikian pada peringkat struktur permukaan unsur yang digugurkan itu tidak lagi wujud (Nik Safiah Karim *et. Al.*, 1993:510).

Contoh :

- i- Mahu ke mana?
- ii- Kamu mahu ke mana?
- iii- Mariam minum teh dan saya (minum) kopi.

Dari contoh di atas, ayat (i) adalah tidak lengkap kerana ayat tersebut mengalami pengguguran subjek (kata ganti nama diri). Manakala ayat (ii) pula adalah ayat yang lengkap dengan hadirnya subjek (kamu). Ayat (iii) pula, pengguguran berlaku pada unsur kata kerja (minum) pada klausa yang kedua. Walaupun unsur tersebut digugurkan, unsur tersebut diketahui atau dipulangkan.



## 5.9.2 Jenis Pengguguran

### 5.9.2.1 Pengguguran Dalam Ayat Tunggal

Pengguguran yang berlaku dalam ayat tunggal terjadi kerana pengguguran beberapa unsur dalam ayat tersebut. Unsur yang digugurkan adalah :

#### a- Pengguguran subjek kata ganti nama dalam ayat perintah

Pengguguran berlaku dalam ayat perintah pada subjek yang terdiri daripada ganti nama kedua.

Contoh :

- i- Duduk – *awak* duduk.
- ii- Hantarkan bungkusan ini – *kamu* hantarkan bungkusan ini.

#### b- Pengguguran subjek kata ganti nama dalam ayat Tanya

Subjek boleh digugurkan apabila merupakan kepada orang kedua.

Contoh :

- i- Bila datang? – bila *kamu* datang?
- ii- Kenapa harus ke sini? – kenapa *awak* harus ke sini?

#### c- Pengguguran kata nama sebagai inti frasa nama subjek

Kata nama yang menjadi inti bagi frasa nama subjek boleh digugurkan sehingga yang tertinggal adalah bahagian penerangnya yang bukan dari kata nama.

Contoh :

- i- *Kegiatan* bersenam menyihatkan badan – bersenam menyihatkan badan.
- ii- *Perbuatan* bercakap di hadapan umum tidak mudah- bercakap di hadapan umum tidak mudah.

#### **d- Pengguguran dalam ayat penyata**

Ia berlaku pada bahagian ayat tertentu atau pada beberapa bahagian ayat sekali gus. Pengguguran yang terhasil boleh menerbitkan ayat tidak lengkap hingga bentuk yang tinggal adalah bentuk frasa atau klausa tak bebas.

Contoh :

- i- Masih banyak lagi.
- ii- Selamat berbahagia.

#### **e- Pengguguran dalam ayat pasif**

Dalam ayat pasif berimbunan *di-*, kehadiran kata sendi *oleh* adalah bersifat pilihan apabila kata kerja yang berawalan *di-* diikuti langsung oleh objek kata kerja pasif. Ketidakhadiran frasa nama pelaku adalah untuk memberi penekanan pada subjek ayat selain tidak mahu menzahirkan pelakunya.

Contoh :

- i- Bola itu ditendang *oleh Abu*.
- ii- Bola itu ditendang *Abu*.
- iii- Bola itu ditendang.

### 5.9.2.2 Pengguguran Dalam Ayat Majmuk

Dalam ayat majmuk, ada unsur yang sama mengalami proses pengguguran. Pengguguran ini berlaku adalah untuk mengelakkan *kelewahan* dari segi maklumat yang hendak disampaikan.

Pengguguran boleh terjadi di dalam beberapa perkara :

#### a- Pengguguran frasa nama subjek

Contoh :

Hafiz demam tetapi *Hafiz* masih ke sekolah – Hafiz demam tetapi masih ke sekolah.

#### b- Pengguguran frasa predikat

Pengguguran frasa predikat yang sama dalam ayat gabungan dapat dilakukan apabila frasa predikat terdiri daripada frasa nama, frasa kerja, frasa adjektif dan frasa sendi nama.

Contoh :

- i- Abu *guru* dan Ali *guru* – Abu dan Ali *guru* ( frasa nama)
- ii- Aman *sedang tidur* dan Abu *sedang tidur* – Aman dan Abu *sedang tidur* (frasa kerja)
- iii- Ani *cantik* dan Amy *cantik* – Ani dan Amy *cantik* ( frasa adjektif )
- iv- Bapa *ke Mekah* atau datuk *ke Mekah* – Bapa atau datuk *ke Mekah* ( frasa sendi nama)

### c- Pengguguran frasa nama sebagai objek

Pengguguran objek berlaku apabila kedua-dua objek tersebut sama. Objek pertama digugurkan dan objek kedua diperlukan.

Contoh :

- i- Bapa membeli *kereta* dan membasuh *kereta* – bapa membeli dan membasuh *kereta*.
- ii- Abang membaiki *basikal itu* kerana *basikal itu* rosak – abang membaiki basikal itu kerana rosak.

### d- Pengguguran frasa nama yang mendahului frasa relatif

Subjek klausa yang mempunyai rujukan yang sama dengan frasa nama dalam klausa bebas/utama boleh digugurkan.

Contoh :

- i- Rumah itu (Rumah itu di atas bukit) dimasuki pencuri- Rumah *yang* di atas bukit itu dimasuki pencuri

Frasa nama “rumah itu” dalam klausa “rumah itu di atas bukit” merujuk kepada frasa nama yang sama pada klausa utama “rumah itu dimasuki pencuri”. Jadi, frasa nama subjek pada klausa kedua digugurkan.

#### e- Pengguguran kata hubung

Pengguguran kata hubung berlaku dalam ayat komplemen dan ayat keterangan. Bagi ayat gabungan, pengguguran berlaku apabila terdapat hubungan makna urutan.

Contoh :

- i- *Apabila* melihat adik pulang, ibu pun gembira – Melihat adik pulang, ibu pun gembira.
- ii- Saya yakin *bahawa* dia tidak terlibat – Saya yakin dia tidak terlibat.

#### f- Pengguguran dalam wacana

Contoh :

*Aku* pulang dari menghadiri seminar. Setelah *aku* selesai mandi, *aku* membaringkan badan di atas katil – aku pulang dari menghadiri seminar. Setelah selesai mandi, membaringkan badan di atas katil.

Kesimpulan dari keterangan di atas, dalam berbahasa kita sering menghilangkan beberapa unsur atau bahagian ayat. Pengguguran itu dilakukan kerana dengan beberapa sebab bagi mengelakkan kelewahan dan juga strategi dalam berkomunikasi.

### 5.10 Ragam Ayat

Predikat dalam ayat tunggal boleh mengandungi frasa kerja. Ayat yang berpredikat frasa kerja dapat dibahagikan kepada ayat aktif dan juga ayat pasif.

### 5.10.1 Ayat Aktif

Ayat aktif dapat ditakrifkan sebagai ayat yang mengandungi kata kerja yang mengutamakan subjek asal sebagai judul atau unsur yang diterangkan (Nik Safiah Karim *et al.*, 1993:462).

#### 5.10.1.1 Jenis Ayat Aktif

Terdapat dua jenis ayat aktif berdasarkan kehadiran kata kerja dalam predikat ayat, iaitu:

##### a- Ayat Aktif Transitif

Menurut Arbak Othman (1981), ayat aktif transitif ialah *ayat mengandungi kata kerja transitif, iaitu kata kerja yang memerlukan objek selepasnya, sama ada berbentuk frasa nama atau klausa komplemen.*

Contoh :

- i- Abu makan *nasi*. (objek frasa nama)
- ii- Hamdan memandu *keretanya*.(objek frasa nama)
- iii- Bapa menganggap *bahawa peristiwa itu sudah berakhir*.(objek klausa komplemen)

Ayat aktif juga mempunyai dua penyambut, iaitu objek tepat dan objek sipi.

Contoh :

- i- Mastura memberi *adiknya* (objek tepat ) *susu* (objek sipi).
- ii- Mariam memasak *emaknya* ( objek tepat ) *nasi* ( objek sipi).

## b- Ayat Aktif Tak Transitif

Ayat aktif tak transitif pula mengandungi Kata Kerja Tak Transitif . Nik Safiah Karim *et al.*, (1993:465) menyatakan bahawa ayat aktif tak transitif mempunyai Kata Kerja Tak Transitif yang *tidak* diikuti oleh objek sebagai penyambutnya.

Contoh :

- i- Pelajar itu *ketawa*.
- ii- Padi *sedang menguning*.

### 5.10.2 Ayat Pasif

Arbak Othman (1981:246) menyatakan bahawa ayat pasif merupakan ayat diterbitkan daripada ayat aktif transitif yang menggunakan kata kerja berawalan *me-* dengan cara menggantikan awalan transitif *me-* dengan salah satu imbuhan atau awalan pasif, iaitu *di-*, *ter-*, *ber-*, *ke-...an* atau perkataan *kena* sebelum kata kerja pasif itu dalam ayat-ayat pasif.

Secara mudahnya, ayat pasif adalah berasal daripada ayat transitif aktif yang strukturnya adalah Subjek + Kata Kerja Transitif (KKT) + Objek.

Contoh :

Ayat aktif	Ayat pasif
Siti <i>mengemas</i> bilik tidur.	Bilik tidur <i>dikemas</i> oleh Siti.
Budak itu <i>melempari</i> buah mangga itu.	Buah mangga itu <i>dilempari</i> oleh budak itu.

Ayat pasif boleh dibahagikan kepada tiga, iaitu :

**a- Ayat pasif dengan imbuhan kata kerja pasif (*di-*, *ber-*, *ter-*, *ke-..-an*)**

Contoh :

- i- Buku saya *dibawa* oleh Samy.
- ii- Makanan itu belum *berhidang*.
- iii- Beg Ali *terbawa* oleh adiknya.
- iv- Abang saya *kehujanan*.

**b- Ayat pasif dengan Kata Ganti Nama Diri Pertama dan Kata Ganti Nama Diri Kedua**

Contoh :

- i- Bilik itu kami *sapu*.
- ii- Sampah itu saya *masukkan* ke dalam tong sampah.
- iii- Latihan itu sudah saya *siapkan*.
- iv- Keputusan itu belum *aku/kubuat*.

**c- Ayat Pasif dengan perkataan *kena* yang hadir sebelum Kata Kerja**

Contoh :

- i- Perompak itu *kena* kejar.



Terdapat cara untuk menukarkan ayat aktif kepada ayat pasif, iaitu:

**a- Cara menukarkan ayat aktif kepada ayat pasif yang menggunakan kata ganti nama diri orang ketiga :**

- i- Tukarkan subjek dengan objek
- ii- Gantikan awalan *meN-* dengan *di-* pada predikat
- iii- Tambahkan *oleh* di depan unsur yang tadinya subjek

Contoh :

Ayat aktif	Ayat pasif
Menteri <i>akan merasmikan</i> bangunan itu.	Bangunan itu akan <i>dirasmikan</i> oleh menteri.

Sekiranya ayat tersebut mengandungi dua objek, maka:

- i- Objek tepat berada di depan.
- ii- Gantikan awalan *meN-* dengan *di-* pada predikat.
- iii- Objek sipi berada selepas kata kerja pasif.
- iv- Subjek berada di akhir.

Contoh :

Ayat aktif	Ayat pasif
Aini <i>menghidangi</i> kami (OT) sepinggan kuih (OS)	Kami (OT) <i>dihidangi</i> sepinggan kuih (OS) oleh Aini

Di dalam contoh di atas, kata nama “kami” adalah objek tepat (OT), manakala kata nama “sepinggan kuih” pula adalah objek sipi (OS).

**b- Cara menukarkan ayat aktif kepada ayat pasif yang menggunakan kata ganti nama diri orang pertama dan kedua.**

- i- Letakkan objek ke awal ayat
- ii- Gugurkan awalan *meN-* pada predikat, kekalkan akhiran pada predikat
- iii- Ganti nama diri (subjek) diletakkan tepat sebelum kata kerja pasif
- iv- Jika ada kata bantu, ia diletakkan di depan kata ganti nama diri

Contoh :

Ayat aktif	Ayat pasif
Saya (masih ) <i>menghormati</i> orang itu	Orang itu (masih ) saya <i>hormati</i>

Pada umumnya, hubungan antara ayat aktif dan ayat pasif melibatkan perpindahan tempat frasa nama yang menjadi subjek dan objek ayat berkenaan.

### 5.11 Kesimpulan

Daripada penerangan dan huraian di atas, dapatlah disimpulkan di sini bahawa bahasa Melayu mempunyai sistem pembinaan struktur ayatnya yang terdiri sebagaimana bahasa Arab mahupun bahasa-bahasa lain.